

Mengaku curi 3 kucing Parsi

KUALA TERENGGANU: Seorang pemuda yang baru mendirikan rumah tangga Disember lalu dikenakan denda RM3,000 oleh Mahkamah Majistret, di sini, semalam, selepas didapati bersalah mencuri tiga ekor kucing Parsi berharga RM1,500 milik seorang ahli perniagaan.

Majistret Rozianti Mohamed Hanafhi menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Abdul Alim Abdul Aziz, 23, dari Desa Keluarga, Chendering, di sini, selepas dia mengaku bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan (KK) kerana mencuri.

Selain itu, Abdul Alim turut berdepan hukuman penjara sebulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Bagaimanapun, dia dibebaskan selepas ahli keluarganya membayar denda itu.